

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
INSTITUT PENGURUSAN KEDAH
KOMPLEKS RAKAN KEDAH
ALOR STAR, KEDAH DARUL AMAN

OLEH

RAZWANI IZYAN BINTI HABITA O'HABIT

Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserah Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

n:2576

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039798



LI 21 FPE 1 2005



1100039798

Laporan akhir latihan industri di Institut Pengurusan Kedah
Kompleks Rakan Kedah / Hazwani Izyan Habita @ Habit.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

| | | |
|--|--|-------------------|
| | | 1100039798 |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

25
21
PPG
11
2005

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
INSTITUT PENGURUSAN KEDAH
ALOR STAR
KEDAH DARUL AMAN**

Oleh

**HAZWANI IZYAN BINTI HABITA @ HABIT
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100039798

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **Hazwani Izyan Binti Habita @ Habit**, No. Matrik **UK 8621** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang telah dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : Hazwani Izyan Binti Habita @ Habit.

Tarikh : 2005

Disahkan Oleh:



Dr. Fadzir Bin Hj. Adam

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN



Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh / salam sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, dapat juga saya menyiapkan tugas laporan latihan industri SOS 4299 ini dengan jayanya. Ucapan ribuan terima kasih ini diucapkan kepada kedua ibu bapa yang telah banyak membantu dan memberi dorongan kepada saya sepanjang menjalani latihan industri. Dengan kasih sayang dan keredhaan mereka, insyaallah, saya yakin dapat melakukan yang terbaik dalam kehidupan ini. Sesungguhnya keredhaan mereka adalah keredhaan Allah jua.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Penyelia LI saya iaitu Dr. Fadzli Bin Haji Adam yang banyak membantu memberi panduan dan tunjuk ajar. Penghargaan ini juga ditujukan kepada Penyelia Industri di Institut Pengurusan Kedah (KIM), Mejar (B) Mohamad Sani @ Che Ani Bin Ahmad yang sentiasa membantu saya dalam memberi pelbagai maklumat berkaitan KIM. Saya juga turut mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan KIM yang membantu memberi jawapan semasa temuramah, maklumat dan tunjuk ajar selama 12 minggu di KIM, Kedah.

Seterusnya yang selalu diingati, ucapan terima kasih ini ditujukan kepada rakan-rakan dari universiti lain yang turut menjalani latihan industri di KIM Kedah kerana sudi bertukar-tukar maklumat yang berkaitan iaitu saudari Nor Hashimah Ismail, Syarifah Nurul Nadera dan Siti Salwa. Tidak lupa juga kepada semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan laporan industri ini. Segala jasa, kerjasama dan idea-idea bernes yang diberikan amat saya hargai dan akan saya kenang hingga ke akhir hayat.

Sekian, terima kasih.

SENARAI KANDUNGAN

| PERKARA | HALAMAN |
|-----------------------------|----------------|
| PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN | i |
| PENGHARGAAN | ii |
| SENARAI KANDUNGAN | |
| GLOSARI | iii |
| RINGKASAN EKSEKUTIF | iv |

BAB 1 : LATAR BELAKANG INSTITUT PENGURUSAN KEDAH (KIM)

| | | |
|--------|---|----|
| 1.1 | SEJARAH PENUBUHAN INSTITUT PENGURUSAN KEDAH | 1 |
| 1.2 | MATLAMAT DAN FUNGSI KIM | 3 |
| 1.3 | MOTTO KIM | 4 |
| 1.4 | VISI DAN MISI KIM | 4 |
| 1.5 | OBJEKTIF KIM | 4 |
| 1.6 | LOGO INSTITUT PENGURUSAN KEDAH (KIM) | 5 |
| 1.7 | TUMPUAN PASARAN KIM | 7 |
| 1.8 | AKTIVITI KIM | 7 |
| 1.8.1 | Kursus Latihan Keilmuan | 7 |
| 1.8.2 | Program Usahasama / Perkongsian Akademik | 10 |
| 1.8.3 | Program / Kursus Wajib JPA | 11 |
| 1.8.4 | Sewaan Kemudahan dan Perkhidmatan | 12 |
| 1.8.5 | Aktiviti Lain Yang Berkaitan | 14 |
| 1.9 | STRUKTUR ORGANISASI | 15 |
| 1.9.1 | Carta Organisasi Keseluruhan KIM | 15 |
| 1.9.2 | Ahli Lembaga Pengarah | 16 |
| 1.9.3 | Senarai Kakitangan KIM | 17 |
| 1.10 | PEMBAHAGIAN UNIT | 18 |
| 1.10.1 | Unit Pentadbiran | 18 |
| 1.10.2 | Unit Latihan | 20 |
| 1.11 | KEMAHIRAN YANG DIPELAJARI | 21 |
| 1.11.1 | Kaedah Komunikasi Dalam Organisasi | 22 |
| 1.11.2 | Berurusan Dengan Pelanggan | 22 |
| 1.11.3 | Urusetia Program | 23 |
| 1.11.4 | Menggunakan Peralatan Mesin Cetak | 24 |
| 1.11.5 | Menyediakan Surat-Surat Rasmi | 24 |
| 1.11.6 | Menguruskan Kerja Dengan Teratur | 25 |

BAB 2 : PENGENALASTIAN SISTEM SEDIA ADA DAN MASALAH

| | | |
|-------|--|----|
| 2.1 | PENGENALAN | 26 |
| 2.2 | MENGESAN SISTEM SEDIA ADA | 26 |
| 2.2.1 | Sistem Perakam Waktu Kerja | 27 |
| 2.2.2 | Sistem Maklumat | 28 |
| 2.2.3 | Sistem Kaunter | 28 |
| 2.2.4 | Sistem Fail | 29 |
| 2.2.5 | Sistem Cetak | 29 |
| 2.2.6 | Sistem Pusingan Kerja | 30 |
| 2.2.7 | Sistem URM (<i>Unit Review Meeting</i>) | 30 |
| 2.2.8 | Sistem Komunikasi | 31 |
| 2.3 | MENGENALPASTI MASALAH | 31 |
| 2.3.1 | Kekurangan Kekurangan | 32 |
| 2.3.2 | Kedudukan Unit-Unit Yang Berselerak | 32 |
| 2.3.3 | Komputer dan Sistem Lama | 33 |
| 2.3.4 | Semangat 'Team Spirit' Yang Rendah di Kalangan Staf Sokongan | 33 |
| 2.3.5 | Laman Web Tidak Digunakan Sepenuhnya | 33 |
| 2.3.6 | Kurang Promosi Terhadap Produk KIM | 34 |
| 2.3.7 | Suasana Kerja Yang Tidak Selesa | 34 |
| 2.4 | CADANGAN PENYELESAIAN | 35 |
| 2.4.1 | Kembangkan Struktur Organisasi | 35 |
| 2.4.2 | Menggunakan Sumber Yang Ada Sepenuhnya | 36 |
| 2.4.3 | Perbaiki dan Tingkatkan Tahap Sistem | 36 |
| 2.4.4 | Wujudkan Pekerja Cemerlang | 38 |
| 2.4.5 | Manfaatkan Laman Web Sedia Ada | 39 |
| 2.4.6 | Tingkatkan Promosi Yang Berkesan | 40 |
| 2.4.7 | Pertingkatkan Penyeliaan Program | 41 |
| 2.4.8 | Mewujudkan Sistem Maklum Balas Pelanggan | 42 |
| 2.5 | PELAKSANAAN CADANGAN DAN IMPLIKASI | 42 |

BAB 3 : ANALISIS KEKUATAN, KELEMAHAN, PELUANG DAN ANCUMAN (SWOT)

| | | |
|-------|----------------------------------|----|
| 3.1 | PENGENALAN | 45 |
| 3.2 | ANALISIS SWOT | 46 |
| 3.2.1 | Kekuatan (<i>Strength</i>) | 47 |
| 3.2.2 | Kelemahan (<i>Weakness</i>) | 52 |
| 3.2.3 | Peluang (<i>Opportunity</i>) | 57 |
| 3.2.4 | Ancaman (<i>Threat</i>) | 62 |
| 3.3 | RUMUSAN ANALISIS SWOT | 66 |
| 3.3.1 | Pihak Pengurusan Yang Berkaliber | 66 |

| | |
|---|-----------|
| 3.3.2 Sistem Dan Cara Kerja Yang Tersusun | 68 |
| 3.3.3 Sumber Yang Mencukupi | 68 |
| 3.3.4 Kakitangan Yang Cekap Dan Bekerjasama | 69 |
| BAB 4 : PENUTUP | 70 |
| BIBLIOGRAFI | |
| LAMPIRAN | |

GLOSARI

| | |
|-----------|---|
| FPE | : Fakulti Pengurusan dan Ekonomi |
| ICT | : Information Technology Centre |
| IT | : Teknologi Maklumat |
| INTAN | : Institut Tadbiran Awam Negara |
| JKKK | : Jawatankuasa Kebajikan Kampung |
| JPA | : Jabatan Perkhidmatan Awam |
| KEDA | : Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah |
| KIM | : Kedah Institute of Management |
| KUSTEM | : Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia |
| MBA | : Master of Business Administration |
| NGO | : Badan Bukan Kerajaan |
| PPSK | : Program Pembangunan Kumpulan Sokongan |
| PRA | : Pekerja Rendah Awam |
| PSM | : Pengurusan Sumber manusia |
| SDN. BHD. | : Sendirian Berhad |
| UIAM | : Universiti Islam Antarabangsa Malaysia |
| UiTM | : Universiti Teknologi Mara |
| URM | : Unit Review Meeting |
| UUM | : Universiti Utara Malaysia |
| YSB | : Yayasan Sultanah Bahiyah |

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi telah menetapkan syarat wajib Latihan Industri (SOS 4299) ke atas pelajar jurusan Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) iaitu sebanyak 6 jam kredit. Pelatih telah menjalani latihan industri di Institut Pengurusan Kedah (KIM) bagi tempoh 12 minggu bermula dari 20 Mac 2005 hingga 11 Jun 2005 dan ditempatkan di Unit Latihan, di bawah seliaan Penyelia Industri iaitu Mejar (B) Mohamad Sani @ Che Ani Bin Ahmad, Pengurus Pentadbiran dan Latihan.

Objektif latihan industri ini adalah untuk memdedahkan pelajar kepada dunia pekerjaan yang sebenar, membantu pelajar dalam merealisasikan dan memperkembangkan kemahiran serta pengalaman yang diperlukan dalam persekitaran bekerja, dan untuk menggalakkan pelajar memahami kepentingan pembelajaran berterusan. Selain itu, objektif latihan industri adalah untuk membolehkan pelajar mempraktikkan kemahiran akademik yang telah dipelajari sepanjang pengajian di KUSTEM, dan yang terakhir adalah untuk memberi ruang kepada majikan dalam proses membangunkan bakal graduan KUSTEM.

Di samping itu, para pelajar juga dapat mengetahui dan menilai kriteria-kriteria tertentu yang perlu ada pada diri seseorang individu supaya dapat memajukan diri sendiri dan masyarakat persekitarannya. Keadaan ini pasti memberikan pengalaman pertama kepada pelajar khususnya yang dikatakan sebagai alam pekerjaan. Para pelajar juga dapat melihat suasana pekerjaan seperti etika, budaya, dan sebagainya. Selain itu, latihan industri juga dapat memupuk keyakinan diri yang tinggi dalam diri para pelajar khususnya dalam kemahiran berkomunikasi, membuat perancangan dan keputusan selaras sebagai seorang pelajar Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial).

Di dalam laporan latihan industri telah dimuatkan dengan sistem-sistem yang telah dikenalpasti di tempat latihan industri, antaranya Sistem Kaunter, Sistem Perakam Waktu Kerja, Sistem Komunikasi, Sistem URM (*Unit Review Meeting*) dan lain-lain lagi. Selain itu, turut mengupas mengenai masalah-masalah yang dihadapi, antaranya kekurangan kakitangan, laman web yang tidak digunakan dengan sepenuhnya dan semangat kerjasama yang rendah di kalangan kakitangan sokongan. Berdasarkan masalah-masalah yang dikenalpasti, turut diberikan cadangan langkah-langkah yang dirasakan terbaik untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Di sini pelatih ingin melahirkan rasa bangga kerana dapat menjalani latihan industri di Institut Pengurusan Kedah. Semasa menjalani latihan juga, pelatih banyak mempelajari tentang etika pekerjaan, dan yang paling penting mengenai sahsiah diri dalam dunia pekerjaan selain mempelajari mengenai aspek-aspek perancangan dan pengurusan. Latihan industri benar-benar membantu pelajar dalam mempersiapkan diri ke arah alam pekerjaan yang sebenar supaya dapat melalui cabaran di dalam alam pekerjaan nanti.